

Unit 21 - Hargailah Budaya Kita



Mendengar dan Bertutur

Buku Teks Halaman 119 – Bagai Aur dengan Tebing

SK	: 1.4	Bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.
SP	: 1.4.3	Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama yang sesuai dengan betul secara bertatasusila.

Baca petikan dengan teliti dan lengkap dialog tersebut.

Amalan bergotong-royong merupakan budaya masyarakat Melayu. Amalan ini biasanya dilakukan apabila penduduk kampung mengadakan majlis perkahwinan, sambutan acara keagamaan, urusan kematian atau aktiviti kebersihan dan keceriaan. Beberapa hari sebelum majlis itu diadakan, penduduk kampung akan bergotong-royong untuk membuat persiapan.

Menerusi amalan ini, masyarakat dididik untuk bermuafakat dan bekerjasama. Selain itu, amalan ini dapat memberikan peluang kepada golongan muda untuk mempelajari bidang tertentu ketika menyelenggarakan majlis kenduri atau acara keramaian.

Pada bulan lalu, sepupu Amar telah melangsungkan perkahwinan. Sehari sebelum majlis perkahwinan itu diadakan, Amar dan rakan-rakannya telah berkunjung ke rumah sepupunya itu.

Wei Chuan	:	Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka di sana?
Amar	:	
Imran	:	Bolehkah golongan muda menyertai aktiviti ini?
Amar	:	
Wei Chuan	:	Pada pendapat kamu, apakah kebaikan amalan ini?
Amar	:	
Wei Chuan	:	Kaum wanita di situ sedang melakukan apa?
Imran	:	

Tahap Penguasaan:

TP 1 () TP 2 () TP 3 () TP 4 () TP 5 () TP 6 ()



Membaca

Buku Teks Halaman 120 – Meraikan Tetamu

SK	: 2.5	Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.
SP	: 2.5.2	Membaca, memahami dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat.

Baca petikan dengan teliti dan seterusnya lengkapkan petikan berdasarkan maklumat yang disediakan.

Setibanya di rumah, Izuni terus menuju ke dapur. Langkahnya dihayun laju. Dia mahu segera mengisi perutnya yang sejak tadi asyik berkeroncong.

Tiba-tiba, Izuni terpandang sekeping nota pesanan daripada ibunya yang terlekat pada peti sejuk.

Izuni,
Ibu dan ayah terpaksa bergegas ke hospital kerana menziarahi rakan ayah yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Pak Long dan Mak Long dalam perjalanan ke rumah kita. Jika mereka sampai sebelum ibu dan ayah pulang, tolong sambut kedatangan mereka dengan mesra dan bersopan.

Setelah membaca pesanan itu, Izuni terdiam untuk seketika. Dia belum pernah menyambut kedatangan saudara-maranya seorang diri. Fikiran Izuni mula melayang mengingati pengalaman lalu.

Namun, belum pun sempat Izuni melayan seleranya, tiba-tiba kedengaran loceng rumahnya berbunyi dan telefon berdering. Izuni tergamam. Apakah yang harus dilakukannya?

menjawab panggilan telefon

menjamah makanan

menukar pakaian

membuka pintu

mengemas bilik

Tindakan yang akan dilakukan oleh Izuni :

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____
8. _____

Tarikh : _____

TAHAP PENGUASAAN

☐

TP 1

☐

TP 3

☐

TP 5

☐

TP 2

☐

TP 4

☐

TP 6

Nenek apa
khabar?
Semoga nenek
sihat.



Sihat
Izuni.
Alhamdulillah.



sahaja



Menulis

Buku Teks Halaman 121 – Permainan Tradisional Masyarakat Kita

SK	: 3.5	Mencatat maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.
SP	: 3.5.2	Mencatat maklumat daripada pelbagai sumber dalam bentuk grafik.

Baca dengan teliti dan isi grafik yang disediakan berdasarkan petikan.



Galah panjang ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Melayu. Permainan ini juga dikenali sebagai Toi dan Coh. Dalam permainan ini, ada dua pasukan, iaitu pasukan penyerang dan pasukan bertahan. Setiap pasukan terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang pemain. Pemain pasukan penyerang dikira mati jika disentuh oleh pasukan bertahan. Kemenangan ditentukan berdasarkan jumlah pasukan penyerang yang berjaya melepasi kesemua garisan dan berjaya balik semula ke garisan permulaan.

Yoyo Cina ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Cina. Permainan ini berasal dari China dan wujud sejak zaman Dinasti Ming, iaitu sekitar tahun 1386 hingga tahun 1644. Dalam permainan ini, pemain perlu menggunakan kedua-dua belah tangan untuk memutar yoyo. Yoyo diputar dengan lajunya dalam pelbagai aksi yang mengagumkan. Pemain perlu mengimbangi yoyo dengan menggunakan tali supaya tidak jatuh.



Kabaddi ialah sejenis permainan tradisional masyarakat India. Permainan ini berasal dari India dan berusia ribuan tahun. Permainan ini dimainkan oleh dua pasukan. Setiap pasukan mempunyai 12 orang pemain, iaitu tujuh orang pemain utama dan lima orang pemain simpanan. Dalam permainan ini, satu pasukan akan bertindak sebagai penyerang manakala pasukan yang lain bertindak sebagai pihak lawan. Pada akhir perlawanan, pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan dikira sebagai pemenang.

Permainan Tradisional Masyarakat Malaysia		
Melayu	India	Cina

Tarikh : _____

TAHAP PENGUASAAN

☐

TP 1

☐

TP 3

☐

TP 5

☐

TP 2

☐

TP 4

☐

TP 6



Tatabahasa – Ayat Songsang

Buku Teks Halaman 123 – Masakan dalam Buluh

SK	: 5.3	Memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi.
SP	: 5.3.1	Memahami dan membina ayat songsang yang betul dalam pelbagai situasi.

Tulis ayat susunan songsang berdasarkan ayat susunan biasa yang diberikan.

Nasi Buluh

Nasi buluh juga dikenali sebagai nasi leman. Masakan ini merupakan hidangan tradisional masyarakat keturunan Melayu Pattani. Di dalam buluh nasi ini dimasak selama dua jam. Sebelum dimasak, beras dibalut dengan daun bemban. Aroma daun bemban menjadikan nasi buluh lebih istimewa.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Daun bemban berbentuk seperti daun sirih.	Berbentuk seperti daun sirih daun bemban.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
1. Sebanyak 15 hingga 25 bungkus beras dapat dimuatkan di dalam sebatang buluh.	1.
2. Daun lerek juga dapat digunakan selain daun bemban.	2.
3. Nasi buluh dimasak seperti leman.	3.
4. Nasi buluh dapat juga dimasak dengan cara merebus atau mengukusnya.	4.



Sedap rupanya
nasi buluh...

Ayam pansuh atau manuk pansuh merupakan makanan tradisional masyarakat Dayak di Sarawak. Untuk menyediakan masakan ini, ayam akan disumbatkan ke dalam buluh sebelum dipanggang. Di dalam buluh tersebut, daun pisang digunakan sebagai pelapik.



Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Ramuan khas dimasukkan ke dalam buluh.	Ke dalam buluh ramuan khas dimasukkan.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Masakan ini mengambil masa 40 hingga 50 minit untuk siap dimasak. Keistimewaan masakan ini terletak pada resipi asli dan aromanya. Lazimnya, masakan ini dimasak dan dihidangkan ketika menyambut perayaan Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Masakan ini lebih enak dimakan jika dihidangkan di atas daun pisang bagi sesetengah penggemar.	

Tarikh : _____

TP 1 TP 3 TP 5

TP 2 TP 4 TP 6

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

1. Kegembiraan jelas terpancar pada raut wajah orang tua itu yang mendapat bantuan RM500 daripada jutawan itu.
 - A Muka orang tua itu jelas menunjukkan bahawa beliau memberikan bantuan kepada jutawan itu.
 - B Bantuan RM500 yang diambil oleh orang tua itu daripada jutawan menunjukkan kegembiraan.
 - C Disebabkan bantuan RM500 yang diberikan oleh jutawan itu, wajah orang tua itu menunjukkan kegembiraan.
 - D Wajah orang tua itu melahirkan kegembiraan melalui senyuman kerana jutawan yang pemurah memberikan duit sebanyak RM500 kepadanya.

2. Fahmi akan bertunang dengan kekasihnya yang bernama Rozie pada tahun depan.
 - A Gadis yang bernama Rozie akan dipertunangkan oleh Fahmi tahun depan.
 - B Rozie dan Fahmi akan berkahwin pada tahun depan dengan bertunang dahulu.
 - C Pertunangan Rozie dan kekasihnya, iaitu Fahmi akan diadakan pada tahun depan.
 - D Setelah mengambil kira pelbagai faktor, Fahmi dikatakan akan bertunang dengan Rozie tahun depan.



3. Kawasan perkelahan merupakan tempat yang sesuai sekali untuk seseorang mencari ketenangan dan ilham dalam berkarya.
- A Untuk mendapatkan ketenangan sambil berkarya, seseorang perlu mencari tempat perkelahan yang sesuai.
 - B Tempat yang paling sesuai untuk sesiapa sahaja menenangkan fikiran dan memberi ilham ialah kawasan perkelahan.
 - C Tempat perkelahan merupakan tempat yang sangat sesuai untuk orang yang mencari ilham dan karya kerana suasana yang sunyi.
 - D Ketenangan dan kesunyian yang ada di kawasan perkelahan membolehkan ilham senang datang kerana ketenangan diperoleh melalui interaksi dengan alam.
4. Aini mengirimi Abdul Jabar surat cinta melalui anak buahnya yang bernama Mohd Farid.
- A Abdul Jabar dikirimkan surat cinta oleh Aini melalui Mohd Farid.
 - B Surat cinta Aini dikirimkan oleh Mohd Farid melalui Abdul Jabar.
 - C Aini terkirim surat cintanya kepada Abdul Jabar sewaktu Mohd Farid ke rumah Abdul Jabar.
 - D Mohd Farid menjadi pengantara Aini untuk mengirinkan surat kepada Abdul Jabar dengan kadar segera.
5. Setiap warganegara Malaysia perlu membawa kad pengenalan walaupun berada di mana-mana.
- A Beberapa orang rakyat Malaysia diarahkan menyimpan kad dokumen diri untuk kegunaan pihak rasmi sahaja.
 - B Semua rakyat Malaysia dikehendaki membawa kad pengenalan apabila mengunjungi negara di seluruh dunia.
 - C Kita perlu menyimpan dan menyertakan kad pengesahan diri ketika berada di mana-mana apabila diminta oleh pihak berwajib.
 - D Segelintir warganegara Malaysia tak kira ketika berada di pelosok bumi hendaklah membawa kad pengenalan untuk keselamatan diri.